

08 JUL 2003

Multaqa-Qari (Bergambar)

JOHAN QARI KANAK-KANAK HADAPI TUGAS BESAR DI MULTAQA ULAMA

Oleh: Jamaluddin Muhammad

PUTRAJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Belum pun dua minggu menjuarai Tilawah Quran Kanak-kanak Kebangsaan, Mohamed Anas Razali akan melaksanakan tugas rasmi pertamanya pada Multaqa Ulama Sedunia di Hotel Marriott Putrajaya Khamis ini.

Beliau akan memperdengarkan bacaan Ayat 8 hingga 18 Surah Ar-Ra'd di hadapan 840 peserta dari 33 negara pada multaqa itu, yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohamed Anas, 10, pelajar Tahun Empat Sekolah Rendah Kebangsaan (1) Tapah berkata beliau diberitahu mengenai tugas itu oleh Jabatan Pendidikan Perak awal bulan ini.

"Saya terus buat persediaan dengan berlatih sejam setiap hari di bawah bimbingan ayah saya," katanya kepada Bernama selepas raptai majlis itu di sini, hari ini.

Menurutnya beliau akan membaca naskah Al-Quran yang sama yang digunakannya pada Tilawah Al-Quran Kebangsaan di Sabah pada 27 Jun lepas.

Mohamed Anas berkata beliau belajar membaca Al-Quran semasa berumur 7 tahun dan ini merupakan kali pertama dijemput memperdengarkan bacaannya pada majlis peringkat antarabangsa.

"Rasa gemuruh juga sikit bila nak naik pentas, saya baca Bismillah dan terus tumpukan perhatian pada bacaan saya.

"Saya bersyukur kerana ayah sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya. Bagaimanapun, saya sedih sedikit kerana ayah tidak dapat hadir pada majlis ini kerana bertugas," katanya.

Bapanya, Razali Hassan, bekerja sebagai pengawal keselamatan Tenaga Nasional Berhad di Tapah dan pernah menjuarai Tilawah TNB.

Sementara itu, kumpulan nasyid Al-Falah yang dahulunya dikenali sebagai kumpulan Harakat Madani pula akan memperdengarkan Salawat Nabi pada majlis perasmian itu.

"Rasa mencabar juga sebab selama ini kami berlatih menggunakan pita minus-one tapi pada majlis ini bersalawat secara 'live' tanpa muzik latar," kata anggota kumpulan itu Nasrul Hadi Saidin.

Bagaimanapun, katanya pengalaman kumpulan itu selama dua tahun selain muncul di beberapa majlis peringkat kebangsaan dan antarabangsa membantu mereka mengatasi cabaran itu.

Kumpulan empat anggota itu ditubuhkan pada 2001 dan telah menghasilkan dua album, Muhammad Ya Habibi dan Ramadhan Remix.

Setelah "berehat" daripada nyanyian nasyid tahun lepas kerana masing-masing menumpukan kepada pelajaran dan kerjaya, mereka kembali aktif awal tahun ini.

-- BERNAMA

JM AZZ NAK